

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Akaun Semasa-i***Layak menerima perlindungan PIDM***1. PRINSIP SYARIAH**

CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank") akan menerima jumlah wang yang dideposit dan sebarang jumlah wang yang selepas itu akan dideposit di dalam Akaun Semasa-i berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah ("Komoditi Murabahah").

2. AM

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun Semasa-i hendaklah dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh Bank. Wang yang dideposit di dalam Akaun Semasa-i hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
- 2.2 Pemohon hendaklah mematuhi semua keperluan Bank untuk membuka Akaun Semasa-i. Contoh tandatangan bagi penandatanganan sah juga hendaklah diberikan kepada Bank.
- 2.3 Penerimaan dan penggunaan berterusan Akaun Semasa-i adalah semata-mata menurut budi bicara Bank.
- 2.4 Bank berhak menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah minimum deposit permulaan yang dikehendaki untuk membuka Akaun Semasa-i. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika Akaun Semasa-i yang dibuka adalah Akaun Semasa Asas-i dan atau Akaun Semasa Asas Senior-i, jumlah minimum deposit permulaan yang perlu dideposit adalah RM500.
- 2.5 Caj perkhidmatan yang ditetapkan oleh Bank untuk setiap setengah tahun akan dikenakan terhadap Akaun Semasa-i yang mempunyai baki purata yang kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun tersebut.
- 2.6 Dengan membuka Akaun Semasa-i, pemegang akaun memberi kuasa kepada Bank untuk menjelaskan dan mematuhi semua cek, kad debit, deraf, perintah untuk membayar, bil pertukaran dan nota janji hutang yang dinyatakan sebagai disuruh bayar, ditandatangani, diterima, diendors atau dibuat bagi pihak pemegang akaun yang disuruh bayar terhadap atau dialamatkan kepada atau dijadikan perlu dibayar dengan Bank sama ada Akaun Semasa-i dalam kedudukan kredit atau debit atau mungkin terlebih keluar disebabkan olehnya atau sebaliknya tetapi tanpa prejudis terhadap hak Bank untuk enggan membenarkan Akaun Semasa-i terlebih keluar.
- 2.7 Sebarang borang atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang transaksi yang disahkan dan atau dilaksanakan secara elektronik oleh pemegang akaun berkaitan dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah Akaun Semasa-i sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara tersebut dilaksanakan ('transaksi di atas') akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang akaun.

Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut sebelum ini, pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa buku dan atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas juga akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang akaun.

2.8 PERUNTUKAN KHUSUS YANG DIKENAKAN TERHADAP AKAUN SEMASA ASAS-i SAHAJA**2.8.1 AKAUN SEMASA ASAS-i**

- 2.8.1.1 Pemegang akaun bagi Akaun Semasa Asas-i dibenarkan melaksanakan transaksi bulanan seperti berikut yang mana fi dan caj tidak akan dikenakan:
 - (a) kunjungan ke Kaunter (Over-the-Counter) ("OTC") tanpa had; dan
 - (b) pengeluaran wang melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM") tanpa had.

Transaksi Interbank GIRO tertakluk kepada fi terdahulu yang terpakai, bergantung kepada saluran yang digunakan untuk melaksanakan transaksi dan bilangan transaksi Interbank GIRO yang dilaksanakan dalam bulan tersebut.

2.8.2 AKAUN SEMASA ASAS SENIOR-i

- 2.8.2.1 Pemegang akaun bagi Akaun Semasa Asas Senior-i dibenarkan melaksanakan sebanyak enam belas (16) lawatan OTC sebulan yang mana tidak ada fi dan caj akan dikenakan. Apa-apa transaksi yang dilaksanakan oleh pemegang akaun bagi Akaun Semasa Asas Senior-i melebihi bilangan transaksi yang disebut di atas akan, jika berkenaan, dikenakan sebarang fi dan caj yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.8.2.2 Pemegang akaun bagi Akaun Semasa Asas Senior-i tidak layak menerima kad ATM. Selaras dengannya, Klausula 5.5 tidak akan dikenakan kepada pemegang Akaun Semasa Asas Senior-i.

3. DEPOSIT

- 3.1 Semua deposit hendaklah dibuat menggunakan borang standard yang disediakan oleh Bank dan arahan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi dengan ketat.
- 3.2 Penerimaan cek dan/atau instrumen kewangan untuk dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i adalah menurut budi bicara Bank.
- 3.3 Semua cek dan instrumen kewangan yang dideposit diterima oleh Bank untuk pungutan sahaja dan tidak boleh dikeluarkan sehingga Bank telah menerima hasilnya. Bank merizab hak untuk mendebit akaun sekiranya cek atau instrumen kewangan yang dihantar untuk pungutan selepas itu dipulangkan tanpa dibayar.
- 3.4 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak dilayan, akan dipulangkan kepada pemegang akaun di alamatnya yang terakhir diketahui, dan risiko dan perbelanjaan hendaklah ditanggung oleh pemegang akaun.
- 3.5 Deposit antara cawangan dibenarkan tertakluk kepada caj yang ditetapkan, jika ada.
- 3.6 Cek dan instrumen yang dihantar melalui pos untuk dikreditkan ke dalam akaun hendaklah dipalang.
- 3.7 Bagi Akaun Bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana pemegang Akaun Bersama boleh dideposit ke dalam akaun, dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan atau kerugian berbangkit daripada pembayaran hasil cek sedemikian dan pembayaran sedemikian akan mengikat semua pemegang Akaun Bersama, secara bersama dan berasingan, sama ada pembayaran sedemikian dibuat dengan pengetahuan, keakuratan atau kuasa mana-mana pemegang Akaun Bersama lain atau pun tidak.
- 3.8 Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank, sebagai bank pemungut, terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana Bank menjamin sebarang pengindorsan, pelepasan terhadap cek, bil, nota, deraf, dividen, waran atau instrumen lain yang dikemukakan oleh pemegang akaun untuk dipungut dan setiap jaminan sedemikian yang diberikan oleh Bank akan dianggap diberikan atas permintaan nyata oleh pemegang akaun dalam setiap keadaan.

4. CEK

- 4.1 Cek untuk mengendalikan Akaun Semasa-i akan dibekalkan oleh Bank. Duti setem terhadap cek akan ditanggung oleh pemegang akaun. Semua pengeluaran di cawangan Bank di mana akaun dikekalkan hanya boleh dibuat menggunakan cek yang dibekalkan oleh Bank.
- 4.2 Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk dengan serta-merta mendebit Akaun Semasa-i pemegang akaun untuk pembayaran sebarang cek yang dibayar oleh pemegang akaun dan dideposit untuk pungutan di kaunter di mana-mana cawangan. Walau bagaimanapun, cek dengan penyilangan "A/C Payee Only" atau "Account Payee Only" hanya akan dibayar kepada akaun penerima yang ditetapkan. Cek dengan penyilangan yang telah dibatalkan dan ditandatangani balas (counter-signed) oleh pemegang akaun selaras dengan tanda tangan spesimen pemegang akaun boleh dibayar secara tunai apabila pemegang akaun atau mana-mana pihak ketiga mengemukakan yang sama untuk pembayaran. Pemegang akaun akan dikenakan fi perkhidmatan sedia ada sekiranya cek sedemikian ditunaikan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak ketiga.
- 4.3 Permohonan untuk buku cek hendaklah dibuat melalui slip permintaan buku cek yang dimasukkan dalam setiap buku cek atau melalui permintaan bertulis, yang ditandatangani oleh penandatangani sah yang didaftarkan dengan Bank atau melalui ATM Bank dan saluran lain yang disediakan oleh Bank.

- 4.4 Sebarang arahan dan/atau terma-terma dan/atau syarat-syarat yang dicetak di atas buku cek hendaklah dipatuhi dengan ketat oleh pemegang akaun, dan semua buku cek hendaklah disimpan dengan selamat.
- 4.5 Semua cek kekal sebagai harta Bank dan apabila akaun ditutup, sama ada oleh pemegang akaun atau oleh Bank, semua cek yang belum digunakan yang dikeluarkan kepada pemegang akaun hendaklah dikembalikan kepada Bank.

4A. KAD DEBIT

- 4A.1 Kad Debit untuk mengendalikan Akaun Semasa-i akan dibekalkan oleh Bank. Fi dan caj terhadap Kad Debit akan ditanggung oleh pemegang akaun.
- 4A.2 Bank boleh, menurut budi bicara mutlak, terus mendebit Akaun Semasa-i pemegang akaun untuk sebarang urusan niaga kad debit oleh pemegang akaun.
- 4A.3 Permohonan kad debit hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang ditandatangani oleh penandatangan sah yang didaftarkan dengan Bank.
- 4A.4 Semua aktiviti kad debit adalah tertakluk kepada terma dan syarat CIMB Debit Mastercard yang boleh didapati di www.cimbislamic.com.my

5. PENGELUARAN

- 5.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat terkandung di sini dan mungkin tertakluk kepada keperluan Bank dan/atau tertakluk kepada amalan Bank yang berkuat kuasa, dan/atau tertakluk kepada sebarang bukti identiti yang mungkin dikehendaki oleh Bank. Bank merizab hak untuk tidak melayan cek jika bentuk tandatangan di atas cek berbeza daripada contoh tandatangan dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank atau menurut pendapat mutlak Bank mengandungi sebarang pindaan sama ada ditandatangani balas oleh pemegang akaun atau pun tidak. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan yang cuai untuk mengesan sebarang pindaan yang material pada cek.
- 5.2 Pengeluaran daripada Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada dana yang tersedia dalam akaun. Bank menyimpan hak untuk menutup akaun dan/atau tidak melayan cek jika akaun telah disenaraikan oleh dan/atau diklasifikasi di bawah Sistem Maklumat Cek Tidak Layan (*'Dishonoured Cheque Information System'*) (DCHEQS)/Biro Maklumat Cek (BMC).
- 5.3 Bank boleh, melalui perkiraan khas dengan pemegang akaun dan menurut budi bicara tunggalnya, membenarkan pengeluaran dalam akaun yang mungkin menyebabkan akaun terlebih keluar. Jika Akaun Semasa-i terlebih keluar Bank berhak mengenakan caj/fi perkhidmatan semasa untuk setiap cek yang diproses dan dibayar oleh Bank. Pemegang akaun akan dan akan terus bertanggungjawab kepada Bank terhadap sebarang jumlah yang dikenakan dan hendaklah membayar sebarang jumlah yang terlebih keluar bersama-sama dengan sebarang jumlah yang dikenakan apabila dituntut. Jika jumlah yang terlebih bayar tersebut tidak dibayar dengan sepenuhnya pada akhir hari perniagaan apabila akaun terlebih keluar, Bank berhak mengenakan Ta'widh (pampasan) pada Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (Islamic Interbank Money Market Rate, IIMM) semalaman harian semasa Bank Negara Malaysia atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia terhadap jumlah terlebih keluar dari tarikh pembayaran jumlah terlebih keluar menjadi lampau tempoh sehingga tarikh jumlah terlebih keluar dibayar dan dijelaskan dengan sepenuhnya. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, penggunaan overdraf konvensional untuk menampung sebarang ketidakcukupan di dalam Akaun Semasa-i adalah bertentangan dengan Syariah. Pemegang akaun semata-mata bertanggungjawab bagi penggunaan dana overdraf konvensional untuk menampung sebarang ketidakcukupan di dalam Akaun Semasa-i.
- 5.4 Penunaian cek di mana-mana cawangan dibenarkan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, baki, had dan caj yang ditetapkan, jika ada, sebagaimana yang di tentukan oleh Bank.
- 5.5 Pengeluaran tunai melalui ATM adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasi Kad ATM/Kad Debit.

6. TAWARRUQ BERHUBUNG DENGAN KOMODITI MURABAHAH

- 6.1 Di bawah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah, Bank dan pemegang akaun akan memasuki satu siri transaksi perdagangan komoditi mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini. Komoditi yang digunakan untuk transaksi perdagangan komoditi adalah komoditi kepatuhan-Syariah ("Komoditi") yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.2 Semasa penerusan Akaun Semasa-i, Bank akan, sebagai ejen pemegang akaun, membeli Komoditi ("Transaksi Pembelian") dengan menggunakan wang pemegang akaun dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i ("Amaun Prinsipal") selaras dengan **Fasal 6.3**. Transaksi Pembelian akan dimasuki oleh Bank pada hari perniagaan ("Hari Perniagaan"). Setelah selesai 'Transaksi Pembelian, pemegang akaun akan menjual dan Bank akan membeli Komoditi ("Transaksi Jualan") atas pembayaran tertunda yang bersamaan dengan agregat Amaun Prinsipal dan keuntungan ("Harga Murabahah"). Bank akan bertindak sebagai ejen pemegang akaun untuk tujuan menyimpulkan Transaksi Jualan. Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan kemudian akan secara kolektif dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan Komoditi'. "Hari Perniagaan" bermaksud hari dimana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.
- 6.3 Transaksi Perdagangan Komoditi hendaklah, semasa penggunaan berterusan Akaun Semasa-i, dilaksanakan seperti berikut: -
- Apabila terdapat Peningkatan Bersih dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i sepanjang mana-mana bulan tertentu; dan
 - Pada Hari Perniagaan pertama setiap bulan atau sebarang tempoh lain yang ditentukan oleh Bank
- "Peningkatan Bersih" bermaksud baki terakhir harian dalam Akaun Semasa-i menolak baki terakhir harian yang tertinggi terdahulu pada bulan yang sama atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank.
- 6.4 Bahagian keuntungan Harga Murabahah hendaklah dikira dengan cara berikut: -
- Amaun Prinsipal x Kadar dalaman Bank atau Kadar Semasa, yang mana lebih tinggi x n/365 hari (atau 366 hari mengikut keadaan) di mana 'n' bermaksud jumlah hari yang berlalu antara Transaksi Jualan dan akhir bulan atau sebarang tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank*
- "Kadar Semasa" bermaksud kadar seperti yang diterbitkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- "Amaun Prinsipal" bermaksud Peningkatan Bersih bagi maksud Klausula 6.3(a) dan baki kredit pada hari pertama setiap bulan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh Bank bagi maksud Klausula 6.3 (b).
- 6.5 Pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk tujuan Transaksi Perdagangan Komoditi hendaklah selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini. Bank hanya akan bertindak sebagai ejen pemegang akaun dan tidak akan mengambil alih, atau dianggap telah mengambil alih, sebarang obligasi tambahan untuk, atau mempunyai hubungan istimewa dengan pemegang akaun selain daripada yang mana peruntukan khusus dibuat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 6.6 Sebagai ejen pemegang akaun, Bank hendaklah, semasa penerusan deposit tersebut, mempunyai kuasa dan otoriti yang berikut:
- untuk memasuki Transaksi Pembelian atas 'spot basis' melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen yang lain dengan sepenuhnya sebagaimana yang boleh dilakukan oleh pemegang akaun sendiri dan untuk berunding dengan pedagang atau pembekal komoditi ("Pembekal") bagi pihak pemegang akaun berkaitan dengannya; dan
 - untuk memasuki Transaksi Penjualan atas dasar pembayaran tertanggung pada Harga Murabahah bagi pihak pemegang akaun dan untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya
- dengan syarat bahawa mandat Bank untuk bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah sebarang Transaksi Penjualan hendaklah pada Harga Murabahah dengan kadar keuntungan minimum sebanyak 0.01% ("Kadar Keuntungan Minimum").
- 6.7 Bank akan, dalam melaksanakan kewajipan dan aktiviti-aktiviti dalam Transaksi Perdagangan Komoditi, akan melindungi kepentingan terbaik pemegang akaun dan bertindak dengan suci hati.
- 6.8 Pemegang akaun akan menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding,

kerosakan, kos dan perbelanjaan pun jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank akibat Bank bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah Transaksi Dagangan Komoditi atau kemungkiran oleh pemegang akaun terhadap kewajipannya di dalam ini. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan perjanjian agensi dan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengannya tidak boleh tertakluk kepada sebarang potongan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.

- 6.9 Setelah tamatnya sebarang Transaksi Perdagangan Komoditi, Harga Murabahah akan dibayar oleh Bank pada setiap akhir bulan. Sekiranya Peningkatan Bersih pada hari terakhir bulan ini, Bank sebagai ejen kepada pemegang akaun boleh mengikut budi bicara mutlaknya, mendahulukan keuntungan untuk hari terakhir bulan ke dalam Akaun Semasa-i pada akhir bulan walaupun bahawa Transaksi Perdagangan Komoditi belum berlaku. Sekiranya Bank menjalankan budi bicara sedemikian sebagai ejen kepada pemegang akaun, pendahuluan tersebut hendaklah dianggap sebagai pinjaman (Qard) oleh Bank (sebagai ejen) kepada pemegang akaun dan pemegang akaun bersetuju bahawa pendahuluan tersebut akan ditolak terhadap bahagian keuntungan Harga Murabahah seurus selepas Transaksi Perdagangan Komoditi berlaku.
- 6.10 Kadar semasa ("Kadar Semasa") yang digunakan untuk pengiraan keuntungan Harga Murabahah akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa. Sekiranya berlaku perubahan dalam Kadar Semasa oleh Bank, notifikasi mengenai perubahan tersebut akan dipaparkan dengan ketara di ruang perbankan dan laman web Bank. Keuntungan daripada Harga Murabahah hendaklah dikira mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausu 6.3**
- 6.11 Jika pemegang akaun ingin menerima penghantaran Komoditi, pemegang akaun boleh berbuat demikian dengan syarat:-
- (a) Bank telah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun yang menyatakan (i) pelantikan Bank sebagai agen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Penjualan yang diterangkan di dalam **Klausu 6.2** di atas dibatalkan, (ii) permintaan rasmi untuk penghantaran Komoditi secara fizikal dan (iii) alamat di mana Komoditi hendak dihantar. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank selewat-lewatnya lima (5) Hari Perniagaan sebelum Bank menyempurnakan Transaksi Jualan pada tarikh yang ditetapkan; dan
 - (b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh penghantaran fizikal tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos lain yang berkaitan ("Kos"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank sebarang jumlah ("Deposit") yang boleh ditentukan oleh Bank dan Deposit hendaklah digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kurangan tersebut kepada Bank apabila dituntut. Jika terdapat lebih antara Kos dan Deposit, lebih tersebut akan dikembalikan kepada pemegang akaun; dan
 - (c) penghantaran Komoditi secara fizikal akan dilakukan oleh Bank menurut cara dan pada masa tersebut yang boleh ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.
- 6.12 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk melaksanakan perbuatan yang dinyatakan dalam Klausu 6.6 (a) dan (b) hendaklah dibubarkan:
- (i) jika Akaun Semasa-i ditutup oleh Bank mengikut Klausu 11;
 - (ii) jika pemegang akaun melaksanakan pilihan pemegang akaun untuk menamatkan agensi kerana salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma agensi tertentu oleh Bank. Dalam kes sedemikian, liabiliti Bank bagi apa-apa pampasan menurut kerugian yang dialami oleh pemegang akaun adalah terhad kepada keuntungan yang mungkin diperolehi oleh pemegang akaun jika Bank telah melaksanakan agensi tersebut mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.

7. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN/HIBAH DAN REBAT (IBRA')

- 7.1 Keuntungan daripada Harga Murabahah hendaklah dikreditkan ke akaun pemegang akaun pada hari terakhir bulan tersebut.
- 7.2 Pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank atas keuntungan daripada Harga Jualan Murabahah:

- a) Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang menurun dalam Kadar Semasa pada bila-bila masa dan di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Dalam kes sedemikian, rebat (ibra;) yang akan diberikan adalah perbezaan antara keuntungan Harga Murabahah yang dikontrakkan dan keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Semasa yang telah disepak semula dari masa Kadar Semasa yang baharu menjadi berkuat kuasa; dan
- b) Sekiranya pemegang akaun membuat pengeluaran dari Akaun Semasa-i di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Dalam kes sedemikian, rebat (ibra ') yang akan diberikan adalah keuntungan yang dikira seperti yang berikut: -

Pengeluaran amaun x kadar dalaman Bank atau Kadar Semasa, mengikut mana-mana yang berkenaan $x m / 365$ hari (atau 366 hari, mengikut keadaan) di mana 'm' bermaksud bilangan hari yang tinggal antara tarikh pengeluaran dan akhir bulan.

- c) Sekiranya keuntungan yang dikira pada kadar dalaman Bank adalah lebih tinggi daripada keuntungan yang dikira pada Kadar Semasa. Dalam kes sedemikian, perbezaannya adalah rebat (ibra ') yang akan diberikan.
- 7.3 Sekiranya berlaku sebarang perubahan meningkat atas Kadar Semasa pada bila-bila masa dan di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang, apa-apa jumlah yang berlebihan yang melebihi Harga Murabahah yang perlu dibayar oleh Bank hendaklah dianggap sebagai hadiah (hibah).

8. PEMBERHENTIAN PEMBAYARAN

- 8.1 Sebarang arahan untuk menghentikan pembayaran cek hendaklah dibuat secara bertulis, menurut bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank, dan hanya akan berkuat kuasa setelah diterima oleh Bank.
- 8.2 Bank berhak mengenakan caj perkhidmatan untuk melaksanakan setiap arahan Pemberhentian Pembayaran.
- 8.3 Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya atas dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, gantirugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin pada bila-bila masa pun jua ditanggung atau dialami oleh Bank tidak kira sifatnya dan walau bagaimanapun jua berbangkit disebabkan atau berhubung dengan pengeluaran arahan Penghentian Pembayaran dan/atau kepatuhan oleh Bank terhadap arahan Penghentian Pembayaran dan/atau pelaksanaan sebarang hak pun jua oleh Bank yang dinyatakan sebagai berhak dilaksanakan oleh Bank berhubung dengannya.

9. CAJ PERBANKAN

- 9.1 Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan fi, cukai, caj, kos dan perbelanjaan untuk sebarang perkhidmatannya yang disediakan kepada pemegang akaun, selaras dengan amalan semasa Bank. Fi dan caj semasa yang terpakai tersebut akan dipaparkan di ruang perbankan dan laman web Bank.. Sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam fi, cukai, caj, kos dan perbelanjaan yang dikenakan kepada Akaun Semasa-i, pemberitahuan perubahan tersebut akan dikomunikasikan kepada pemegang akaun sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh efektif perubahan. Pemberitahuan tersebut akan dikomunikasikan kepada pemegang akaun secara bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan atau laman web Bank.

10. KEHILANGAN BUKU CEK

- 10.1 Pemegang akaun hendaklah menyimpan buku cek dengan selamat pada semua masa dan dikehendaki memaklumkan Bank dengan serta-merta secara bertulis jika sebarang cek didapati hilang.

11. PENUTUPAN AKAUN

- 11.1 Akaun Semasa-i boleh ditutup oleh pemegang akaun secara peribadi atau secara alternatif, Bank juga boleh dimaklumkan secara bertulis. Untuk akaun bersama, penutupan akaun hendaklah dilakukan selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pemegang akaun.
- 11.2 Bank menyimpan hak untuk , pada bila-bila masa, tanpa tanggungjawab untuk mengemukakan sebarang tujuan kepada pemegang akaun dan dengan atau tanpa notis terdahulu menutup sebarang akaun yang jatuh di bawah kategori berikut:-

- a. Sebarang akaun yang diklasifikasi di bawah Sistem Maklumat Cek Tak Layan (DCHEQS) / Biro Maklumat Cek (BMC).
- b. Sebarang akaun dengan baki sifar atau baki sebanyak RM10.00 dan kurang bagi tempoh satu (1) tahun.
- c. Sebarang akaun yang terlebih keluar secara berterusan disebabkan caj pemulangan cek dan caj perkhidmatan yang tidak dibayar.
- d. Sebarang akaun peribadi yang dibuka, diselia dan / atau digunakan untuk tujuan perniagaan termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun kelab, pertubuhan atau untuk tujuan perdagangan.
- e. Sebarang akaun yang dicurigai Bank sebagai digunakan untuk sebarang aktiviti penipuan dan pada pendapat tunggal dan munasabah Bank berpandangan bahawa maklumat/ dokumen yang diberikan kepada Bank bagi pembukaan akaun telah didapati palsu dan/ atau tidak tepat dan/ atau diubah dan/ atau suatu salah nyata identiti
- f. Sebarang akaun yang, menurut pendapat Bank, tidak dikendalikan dengan memuaskan dan atau disebabkan oleh sebarang sebab lain termasuk kepatuhan dengan perintah mahkamah, arahan pihak berkuasa pengawalseliaan atau penguatkuasaan
- g. Notis yang dikemukakan kepada Bank menurut Klausula 6.11(a) tamat tempoh

Sebelum penutupan Akaun Semasa-i, pihak Bank berhak untuk menolak sebarang deposit, menahankan jumlah yang dibenarkan untuk deposit, menahan dan/atau menggantung pembayaran sebarang wang daripada baki kredit Akaun Semasa-i.

- 11.3 Di tambahan hak Bank yang terkandung dalam Klausula 11.2 di atas, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank merizab hak untuk menutup sebarang akaun menurut budi bicara mutlak Bank tanpa perlu memberikan sebarang sebab, dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun.
- 11.4 Pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan Bank, jika ada, bagi penutupan Akaun Semasa-i. Bank berhak mengenakan caj perkhidmatan yang berkenaan jika :
 - (i) Akaun Semasa-i ditutup oleh pemegang akaun dalam masa 3 bulan dari tarikh pembukaan Akaun Semasa-i; dan
 - (ii) Akaun Semasa-i ditutup oleh pemegang akaun selepas 3 bulan dari tarikh pembukaan Akaun Semasa-i (tidak terpakai bagi Akaun Semasa Asas-i / Akaun Semasa Asas Senior-i)

12. AKAUN TIDAK AKTIF / DORMAN / WANG TIDAK DITUNTUT

- 12.1 Akaun tanpa transaksi debit dan/atau kredit (selain daripada transaksi kredit dan / atau debit yang dijalankan oleh Bank untuk tujuan mengkreditkan keuntungan atau Hibah (mana yang berkenaan) ke dalam akaun atau mendebit untuk fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang akaun Bank) selama 1 tahun atau lebih akan dianggap sebagai akaun dorman.
- 12.2 Bagi akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dorman berdasarkan Klausula 12.1 di atas, sebarang transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang akaun kepada Bank) terhadap akaun adalah tidak dibenarkan melainkan dan sehingga akaun telah diaktifkan semula berdasarkan Klausula 12.3 di bawah.
- 12.3 Untuk mengaktifkan Akaun Semasa-i yang dorman, pemegang akaun hendaklah melakukan transaksi cek tunai debit di kaunter, tertakluk kepada penentusahan identiti pemegang akaun.
- 12.4 Fi perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak daripada Akaun Semasa-i, selagi Akaun Semasa-i kekal dorman sehingga baki kredit yang tinggal diklasifikasi sebagai wang tidak dituntut dan dengan itu Klausula 12.5 akan terpakai. Sekiranya baki kredit di dalam Akaun Semasa-i adalah kurang daripada RM10.00, baki kredit di dalam Akaun Semasa-i akan ditolak sebagai pembayaran fi perkhidmatan kepada Bank dan selepas itu Akaun Semasa-i akan ditutup.

- 12.5 Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 yang berkuat kuasa, sebarang wang yang diklasifikasi sebagai 'wang tidak dituntut' iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama 7 tahun atau lebih, akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut ("RUM"). Sebelum wang tidak dituntut dipindahkan kepada RUM, Bank akan, dalam tempoh tidak kurang daripada 21 hari kalendar sebelum pemindahan, dengan kos ditanggungnya sendiri, memaklumkan pemegang akaun tentang pemindahan yang akan dilakukan terhadap wang dalam Akaun Semasa-i kepada RUM, disebabkan Akaun Semasa-i yang dormant. Pemegang akaun juga akan dimaklumkan mengenai pilihannya untuk mengaktifkan semula atau menutup terus Akaun Semasa-i, untuk mengelakkan pemindahan wang dalam Akaun Semasa-i oleh Bank kepada RUM.
- 12.6 Bank juga hendaklah, dengan kos ditanggung olehnya sendiri dan atas permintaan pemegang akaun, memaklumkan pemegang akaun tentang prosedur yang terlibat untuk menuntut wang yang disimpan di dalam Akaun Semasa-i yang telah dihantar oleh Bank kepada RUM.

13 PENYATA AKAUN

- 13.1 Penyata akaun bulanan akan dikeluarkan oleh Bank dan disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau dihantar melalui pos kepada pemegang akaun, yang menyenaraikan transaksi dalam tempoh tersebut. Permintaan oleh pemegang akaun untuk penyata akaun tambahan (salinan cetak) akan dikenakan caj perkhidmatan yang berkenaan untuk menghasilkan semula penyata bagi tempoh sehingga 1 tahun dan untuk menghasilkan semula penyata bagi tempoh melebihi 1 tahun.
- 13.2 Pemegang akaun dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan dalam sejarah transaksi atau penyata yang disediakan dalam talian dan/atau penyata akaun bulanan dan memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, perkara yang tidak kena, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan. Jika pemegang akaun gagal memaklumkan Bank bahawa penyata tidak diterima dan mendapatkan penyata atau tidak memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan dalam sejarah transaksi atau penyata yang disediakan dalam talian dan/atau penyata akaun bulanan dalam masa 14 hari dari tarikh transaksi dimasukkan dalam talian atau tarikh penyata, mengikut keadaan, pemegang akaun akan dianggap telah menerima dengan konklusif semua masukan yang terkandung dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau penyata bulanan, mengikut keadaan, sebagai benar dan tepat dalam semua segi.
- 13.3 Bank boleh tidak mengeluarkan atau menyediakan penyata akaun jika akaun adalah dormant atau tidak aktif bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh berhenti mengeluarkan atau menyediakan penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab.

14. AKAUN BERSAMA (Terpakai terhadap akaun bersama dalam nama dua orang atau lebih daripada dua orang)

- 14.1 Semua persetujuan, obligasi, kuasa dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan dianggap bersama dan berasingan. Obligasi Bank akan dilaksanakan dengan memaklumkan mana-mana orang yang dinamakan dalam akaun bersama.
- 14.2 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila ditanggung yang berbangkit daripada sebarang kebenaran yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 14.3 Jika mana-mana pemegang akaun bersama meninggal dunia, menjadi bankrap atau menjadi kurang siaman, sebarang baki kredit di dalam akaun bersama boleh dibayar kepada pemegang akaun yang tinggal tertakluk kepada kepatuhan (jika dikehendaki) dengan Enakmen Duti Harta Pusaka atau Undang-undang Syariah atau sebarang perundangan lain yang serupa jenisnya.

15. HAK TOLAKAN dan HAK UNTUK MENDEBIT

- 15.1 Bank menyimpan hak untuk mengeluarkan makluman selama 7 hari kalendar kepada pemegang akaun untuk menggabungkan, menyatukan Akaun Semasa-i dan sebarang akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank ('Akaun-akaun') dan atau menolak dan atau memindahkan sebarang baki kredit

dalam Akaun-akaun untuk atau bagi tujuan menjelaskan sebarang liabiliti pemegang akaun kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah liabiliti sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai pelanggan dan atau penjamin dan atau penanggung rugi dan atau penyedia cagaran, atau dalam mata wang lain ('Keberhutangan'). Sementara menunggu Bank melaksanakan tolakan tersebut, Bank berhak menahan dan atau menggantung pembayaran apa-apa wang daripada baki kredit dalam Akaun-akaun. Sekiranya pemegang akaun gagal menyelesaikan sepenuhnya Keberhutangan dengan Bank apabila luputnya makluman 7 hari kalendar tersebut, Bank berhak menolak keseluruhan baki kredit daripada Akaun-akaun atau sehingga jumlah Keberhutangan untuk menyelesaikan Keberhutangan secara sebahagiannya atau sepenuhnya (mengikut keadaan).

- 15.2 Untuk mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersetuju bahawa hak Bank untuk menahan atau menggantung pembayaran dan atau tolakan boleh dikenakan dan boleh dilaksanakan oleh Bank jika atau berkenaan dengan (a) Akaun Semasa-i bersama dan atau mana-mana akaun bersama lain pemegang akaun yang baki kreditnya digunakan untuk menolak keberhutangan yang ditanggung kepada Bank oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dan atau oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dengan mana-mana orang lain dan sama ada keberhutangan yang ditanggung kepada Bank tersebut adalah sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai peminjam dan atau penjamin dan atau penanggung rugi dan atau penyedia cagaran; (b) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah melakukan tindakan kebangkrutan dan atau notis kebangkrutan dan atau petisyen untuk kebangkrutan atau penggulungan telah difailkan terhadap pemegang akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama; (c) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah diisytiharkan bankrap atau digulungan; dan (d) Bank telah dimaklumkan tentang kematian pemegang akaun atau kematian mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama.
- 15.3 Pemegang akaun dengan tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Semasa-i pada bila-bila masa selepas memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari bagi tujuan membuat pembayaran, pembayaran balik dan atau pembayaran ganti kepada Bank dan atau CIMB Bank Berhad dan atau membuat pembayaran dan atau pembayaran balik jumlah yang berkenaan kepada pihak ketiga di bawah atau berbangkit daripada yang berikut:
- (i) fi, kos, perbelanjaan, caj yang perlu dibayar berhubung dengan Akaun Semasa-i selaras dengan terma di dalam ini dan atau walau bagaimanapun jua ditanggung dan atau dicaj oleh Bank berhubung dengan sebarang akaun, produk bank, perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh Bank dan atau CIMB Bank Berhad kepada pemegang akaun;
 - (ii) cukai, duti setem dan sebarang levi atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan dan perlu dibayar oleh pemegang akaun terhadap Akaun Semasa-i dan atau sebarang akaun, produk bank, perkhidmatan atau kemudahan lain yang disediakan oleh Bank dan atau CIMB Bank Berhad kepada atau untuk manfaat pemegang akaun;
 - (iii) kerugian dan atau kerosakan yang walau bagaimanapun jua dialami atau ditanggung oleh Bank semasa melaksanakan sebarang permintaan dan arahan pemegang akaun dan atau semasa memberikan perkhidmatan berhubung dengan Akaun Semasa-i yang diperuntukkan dalam terma di dalam ini;
 - (iv) jumlah berbangkit daripada sebarang tanggung rugi dan atau jaminan yang diberikan oleh pemegang akaun memihak kepada Bank berhubung dengan penyediaan sebarang perkhidmatan dan kemudahan oleh Bank kepada pemegang akaun selaras dengan terma di dalam ini;
 - (v) pembayaran yang dibuat, dipindahkan atau dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i disebabkan kesilapan Bank dan atau disebabkan tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga bahawa jumlah tersebut telah dengan silap dibayar oleh pihak ketiga ke dalam Akaun Semasa-i dan atau disebabkan tuntutan oleh pihak ketiga bahawa beliau telah ditipu, difraud atau diperdaya agar membuat pembayaran ke dalam Akaun Semasa-i dan atau disebabkan sebarang kepincangan atau kerosakan operasi dan/atau sistem Bank dan atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank;
 - (vi) cek dan atau sebarang instrumen wang lain yang selepas itu tidak dilayan atas sebarang sebab pun jua dan jika hasil cek dan atau suratcara wang ini telah dikreditkan oleh Bank ke dalam Akaun Semasa-i sebelum itu;
 - (vii) jumlah dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i susulan kesangsian mengenai instrumen yang diusik/arahan/transaksi yang menipu, sama ada dengan atau tanpa penglibatan pemegang akaun;

- (viii) pembayaran di bawah Akaun Semasa-i yang diminta agar dibayar oleh Bank Negara Malaysia dan atau pihak berkuasa Polis atau mana-mana pihak berkuasa lain selaras dengan mana-mana undang-undang yang berkenaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
 - (ix) fi guaman, pembayaran perbelanjaan dan kos (atas dasar peguamcara-anakguam dan tanggung rugi penuh) yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan sebarang:
 - (a) langkah mendapatkan balik sebarang keberhutangan di bawah sebarang kemudahan atau pinjaman yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun;
 - (b) prosiding garnisi yang difailkan dan disampaikan ke atas Bank dan jika Bank dinamakan sebagai garnisi terhadap Akaun Semasa-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;
 - (c) prosiding interplider atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang difailkan oleh Bank terhadap Akaun Semasa-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;
 - (d) injunksi atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang dimulakan terhadap Akaun Semasa-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank, sama ada Bank dinamakan sebagai pihak atau tidak; dan
 - (e) prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh pemegang akaun atau mana-mana pihak lain melibatkan Akaun Semasa dan atau sebarang akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank dan jika Bank berjaya membela prosiding undang-undang tersebut; dan
 - (x) bayaran pendahuluan yang dibayar kepada pemegang akaun dan atau mana-mana pihak ketiga di bawah sebarang susunan yang dimasuki antara Bank dan pemegang akaun dan atau di bawah sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun.
- 15.4 Sementara menunggu Akaun Semasa-i didebit selaras dengan Klausula 15.3, Bank berhak menahan dan/atau menggantung pembayaran sebarang wang daripada baki kredit Akaun Semasa-i.

16. PEMBATASAN LIABILITI

- 16.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dan pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas semua kerugian, kos, dan perbelanjaan, cukai atau duti yang mungkin ditanggung oleh pemegang akaun atau Bank berhubung dengan mana-mana atau semua akaun pun jua atau pelaksanaan sebarang arahan oleh Bank (meskipun arahan sedemikian mungkin memfraud atau tanpa kebenaran) atau jika mana-mana akaun pemegang akaun atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh sebarang pihak berkuasa kerajaan atau rasmi.
- 16.2 Pemegang akaun seterusnya bersetuju bahawa semua dana, wang, sekuriti dan apa jua barang berharga dan harta lain kepunyaan pemegang akaun dan dideposit dengan Bank di bawah Akaun Semasa-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun ('harta') hendaklah secara automatik menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak (i) menolak dan atau mendebit sebarang wang yang dirangkum dalam harta bagi tujuan membuat pembayaran sebarang liabiliti yang ditanggung oleh pemegang akaun kepada Bank seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan Klausula 15 di dalam ini (ii) memegang atau menahan harta dan/atau tidak melunaskan sebarang cek yang dikemukakan untuk pembayaran di bawah Akaun Semasa-i sehingga liabiliti pemegang akaun kepada Bank yang diperuntukkan di dalam ini dijelaskan dengan sepenuhnya dengan Bank.

17. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 17.1 Apa-apa perubahan pada alamat e-mel dan atau alamat pos dan atau nombor telefon dan atau tandatangan dan atau butir-butir lain pemegang akaun yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan kepada Bank secara bertulis.

- 17.2 Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui mel elektronik dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau melalui pos atau ditinggalkan di alamat pemegang akaun yang terakhir didaftarkan dengan Bank, akan dianggap dihantar kepada dan diterima oleh pemegang akaun.

18. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 18.1 Terma-terma & Syarat-syarat yang mengawal Akaun ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan pengawalseliaan relevan lain, yang berkuasa terhadap Bank.

19. ARAHAN

- 19.1 Sebarang arahan daripada pemegang akaun kepada Bank terhadap akaun hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pemegang akaun. Sebarang arahan sedemikian hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank.

20. PENYERAHAN HAK TIDAK DIBENARKAN

- 20.1 Pemegang akaun tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Bank, menyerahkan hak dan atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan Akaun Semasa- i termasuk tetapi tidak terhad kepada semua wang yang disimpan di dalamnya memihak kepada mana-mana orang kecuali dan melainkan bahawa kepentingan cagaran tersebut boleh diserahkan hak dan atau diwujudkan memihak kepada Bank.

21. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 21.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-syarikat Kumpulan jika dibantah oleh pemegang akaun; dan (ii) menghendaki kebenaran nyata daripada pemegang akaun untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan yang dinyatakan, pemegang akaun dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada mana-mana agen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam, penasihat profesionalnya, penyedia cagaran dan penjamin di dalam atau di luar Malaysia dan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank serta syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat-syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut menetap, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia sebarang maklumat berkaitan dengan pemegang akaun, urusan pemegang akaun dan/atau sebarang akaun yang dipegang oleh pemegang akaun dengan Bank untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka.

Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan adalah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa **pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak patut dilakukan jika pendedahan dibantah oleh pemegang akaun** dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), CIMB Islamic Bank Berhad, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan No. Pusat Panggilan: 03-6204 7788, E-mel: cru@CIMB.com.

Selanjutnya, jika Bank bercadang untuk berkongsi maklumat pemegang akaun (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun pemegang akaun) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, Bank hendaklah memastikan bahawa kebenaran pemegang akaun diperolehi.

- 21.2 Pemegang akaun dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau agen Bank untuk menghubungi pemegang akaun dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.
- 21.3 Tanpa menjejaskan perkara yang disebut sebelum ini dan berdasarkan alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon dan atau sebarang butir-butir hubungan lain pemegang akaun yang sedia ada disimpan atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini tanpa boleh dibatalkan, dibenarkan (tetapi tidak mempunyai

obligasi) untuk menghubungi dan / atau memaklumkan kepada pemegang akaun melalui pos dan atau mel elektronik dan atau telefon dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau perkhidmatan kurier dan atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dipilih oleh Bank mengikut budi bicara tunggalnya. Maklumat atau makluman yang dihantar oleh Bank akan merangkumi sebarang maklumat atau makluman yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat tentang Akaun Semasa-i dan atau sebarang maklumat berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan atau mana-mana pihak lain yang diadakan secara bersama dengan Bank.

22 PERIZABAN HAK

22.1 Bank merizab hak, setelah memberikan notis yang cukup, untuk menambah, memotong atau meminda sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam ini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan (“Pindaan”) pada peruntukan di dalam ini adalah mengikat terhadap pemegang akaun dan Bank dianggap telah membawanya kepada perhatian pemegang akaun apabila (i) Pindaan dipaparkan di premis Bank dan di dalam laman web Bank yang mana butir-butir terperinci mengenai pindaan boleh dinyatakan di dalam notis berkenaan atau diberikan kepada pemegang akaun apabila diminta; atau (ii) melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir pemegang akaun yang diketahui; atau (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) melalui mel elektronik atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap pemegang akaun dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam pemakluman.

23 PEMBEKUAN AKAUN SEMASA-i

23.1 Tanpa prejudis terhadap dan tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan Akaun Semasa-i pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan atau enakmen, Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, menahan diri daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di dalam Akaun Semasa-i termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua arahan atau transaksi berikut (a) penunaian cek di kaunter atau pembayaran sebarang cek atau sebarang instrumen lain atau pembayaran sebarang wang di bawah atau keluar daripada Akaun Semasa-i; (b) penerimaan sebarang wang atau deposit atau cek atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan atau untuk dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i (“Pembekuan Akaun Semasa-i”) apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:-

- (a) Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan, mengikut keadaan, telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun (“hal-hal insolvensi pemegang akaun”);
- (b) berhubung dengan Akaun Semasa-i yang dipegang oleh perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun, apabila Bank menerima sebarang tuntutan atau arahan berlawanan atau bertentangan atau bercanggah berkaitan dengan mandat operasi Akaun Semasa-i dan atau pembayaran sebarang cek atau suratcara lain atau pembayaran sebarang wang keluar daripada Akaun Semasa-i daripada mana-mana rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif atau daripada mana-mana orang yang mendakwa adalah rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun tersebut mengikut keadaan yang memegang Akaun Semasa-i (“pertikaian dalaman pemegang akaun”);
- (c) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain (“pihak berkuasa berkaitan”) agar menahan diri daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah Akaun Semasa-i seperti yang dinyatakan di atas tidak kiralah sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank (“arahan pihak berkuasa berkaitan”).
- (d) Apabila pihak Bank merasa curiga terhadap sebarang aktiviti penipuan mengenai Akaun Semasa-i, atau berdasarkan sebarang laporan polis yang dibuat terhadap sebarang Akaun Semasa-i, daripada sesiapa atau pihak Bank atau sekiranya pihak Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan

menjalankan penyiasatan atas sebarang transaksi haram atau transaksi haram yang mencurigakan yang dilaksanakan melalui Akaun Semasa-i, penyalahgunaan atau pencurigaan terhadap penyalahgunaan Akaun Semasa-i atau sebarang transaksi palsu/ penipuan dalam Akaun Semasa-i;

- (e) Apabila pihak Bank menerima aduan daripada pihak ketiga kepada penguatkuasa yang berkaitan bahawa Akaun Semasa-i berikut telah digunakan untuk melaksanakan sebarang transaksi palsu dan/ atau deposit palsu dan/atau penipuan dan/atau permintaan deposit haram berdasarkan siasatan dalaman atau maklumat yang diterima daripada penguatkuasa yang berkaitan.

23.2 Pembekuan Akaun Semasa-i akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:

- (a) Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah mengemukakan bukti yang wajar kepada Bank hingga memuaskan hati Bank, bahawa notis kebangkrapan atau petisyen pengguguran atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan Akaun Semasa-i disampaikan kepada Bank.
- (b) Berhubung dengan pertikaian dalaman pemegang akaun, pertikaian tersebut telah diselesaikan antara semua pihak berkenaan dan kenyataan bertulis yang demikianlah maksudnya yang ditandatangani oleh semua pihak berkenaan yang meminta agar Pembekuan Akaun Semasa-i ditamatkan tanpa syarat telah disampaikan kepada Bank, atau secara alternatif, perintah mahkamah yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan Akaun Semasa-i telah disampaikan kepada Bank;
- (c) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan Akaun Semasa-i atau secara alternatif, perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan Akaun Semasa-i telah disampaikan kepada Bank.
- (d) Berhubung dengan penyiasatan pihak Bank atau penguatkuasa yang berkaitan yang dijelaskan dalam klausa 23.1(d) dan 23.1(e), didapati bahawa pihak Bank berpuas hati dan tiada siasatan selanjutnya yang diperlukan atau pihak Bank dimaklumkan daripada penguatkuasa yang berkaitan bahawa Akaun Semasa-i yang berikut sudah tidak lagi diperlukan bagi sebarang siasatan berterusan atau siasatan telah diberhentikan.

23.3 Dengan membekukan Akaun Semasa-i selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini termasuk sebarang tindakan yang boleh diambil oleh Bank seperti memulangkan mana-mana cek atau instrumen lain sama ada yang dideposit untuk pungutan atau pembayaran seperti yang diperuntukkan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan atau kemungkiran kontrak dan atau atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh pemegang akaun atau oleh mana-mana orang lain atas apa jua sebab dan tidak kira apakah kenyataan yang diberikan oleh Bank untuk pemulangan tersebut. Berhubung dengan perkara ini, pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.

23.4 Pemegang akaun seterusnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang guaman berbangkit daripada tindakan Bank yang Membekukan Akaun Semasa-i di dalam ini atau jika Bank, sebelum atau selepas Pembekuan Akaun Semasa-i, memulakan sebarang guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun untuk apa-apa relief atau deklarasi yang suaimanfaat yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi dengan sepenuhnya oleh pemegang akaun.

23.5 Dengan bertindak selaras dengan mana-mana terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank atas alasan bahawa Bank belum dimaklumkan

tentang peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausa 23.1 di dalam ini kerana makluman tersebut adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkesan atau atas sebarang alasan lain. Istilah pemegang akaun di mana jua disebut di dalam ini hendaklah bermaksud mana-mana seorang atau lebih daripada seorang atau semua pemegang akaun jika pemegang akaun adalah lebih daripada seorang.

24. KLAUSA PRIVASI (UNTUK ORANG SEMULAJADI) Jika pemegang akaun adalah individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, perniagaan yang berdaftar dan persatuan) Klausa 24 ini adalah terpakai

- 24.1 Pemegang akaun dengan ini mengesahkan bahawa pemegang akaun telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbislamic.com) dan klausa-klausa di dalam ini, yang menyentuh pemrosesan maklumat peribadi pemegang akaun. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pemegang akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap digabungkan melalui rujukan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 24.2 Sekiranya Pemegang akaun memberikan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan waris dekat dan tanggungan Pemegang akaun (jika Pemegang akaun seorang individu) atau maklumat berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia cagaran (jika Pemegang akaun sebuah perbadanan), bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan akaun anda dengan kami atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan kami, Pemegang akaun (a) mengesahkan bahawa Pemegang akaun telah mendapatkan kebenaran mereka atau sebaliknya berhak memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya selaras dengan perjanjian ini; (b) bersetuju memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku sebarang perubahan material pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) menyetujui hak kami untuk menamatkan perjanjian ini sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 24.3 Jika pemegang akaun mengarahkan Bank agar melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butir-butir yang relevan bagi transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk maklumat berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana butir-butir ini mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (misalnya pencegahan jenayah). Dengan mengarahkan Bank dan/atau agen kami untuk memasuki sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak pemegang akaun, pemegang akaun menyetujui pendedahan yang disebut di atas bagi pihak pemegang akaun dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 24.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa akan datang menggunakan agensi pelaporan kredit/rujukan agensi untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila bank perlu (a) menyemak butir-butir permohonan untuk kredit dan maklumat kredit berkaitan atau kemudahan lain; (b) mengurus akaun dan kemudahan kredit dan kredit yang berkaitan, termasuk menjalankan ulasan portfolio pemegang akaun; memulihkan hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah perjanjian ini. Pemegang akaun akan dihubungkan dengan pelaporan kredit/ rujukan agensi kepada mana-mana nama lain yang digunakan oleh pemegang akaun atau telah digunakan, dan mana-mana pemohon-pemohon secara bersama dan berasingan. Dalam hubungan ini, pemegang akaun dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada agensi pelaporan kredit / rujukan itu kebenaran pemegang akaun untuk membenarkan pelaporan kredit / agensi rujukan tersebut untuk mendedahkan maklumat kredit pemegang akaun seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 kepada Bank. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang pemegang akaun dan bagaimana pemegang akaun menguruskan akaun / kemudahan pemegang akaun dengan agensi pelaporan / rujukan kredit yang berkaitan.
- 24.5 Meskipun selepas pemegang akaun memberikan sebarang maklumat kepada Bank, pemegang akaun mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum itu. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan sebarang produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dipautkan dengan maklumat tersebut.
- 24.6 Bank menyimpan hak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dan hendaklah memberikan notifikasi terlebih dahulu kepada pemegang akaun secara bertulis dan memaparkan apa-apa pindaan di laman web Bank dan/atau dengan memaparkan notis di ruang perbankan atau di lokasi yang menarik perhatian di dalam cawangan Bank.

- 24.7 Bagi tujuan Klausula ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan terkawal lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan “Bank” hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 24.8 Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak akan walau bagaimanapun pun bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan atau sebaliknya), kecederaan, perasaan malu atau liabiliti yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau sebarang asas (termasuk gantirugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) berbangkit daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pemadaman atau modifikasi data atau atas sebarang sebab lain pun jua berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh Bank kepada agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut, mengikut keadaan, atau berkaitan dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau sandaran terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada diakibatkan oleh sebarang kerosakan teknikal, perkakasan atau perisian tidak kira jenisnya, gangguan, ralat, ketinggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walau apa pun.
- 24.9 Klausula ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausula lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang membuat peruntukan bagi pendedahan maklumat.

25. KLAUSA PRIVASI (UNTUK PELANGGAN KORPORAT) Jika pemegang akaun adalah perbadanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada entiti yang termasuk dalam definisi “Perbadanan” yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016) Klausula 25 ini adalah terpakai.

- 25.1 Sekiranya pemegang akaun adalah sebuah perbadanan, pemegang akaun dengan ini secara tak boleh batal membenarkan dan memberi kuasa, dan mengesahkan bahawa pemegang akaun telah dengan sewajarnya mendapat kebenaran dan pemberikuasaan daripada pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin, penyedia cagaran, rakan kongsi perniagaan, anak syarikat, syarikat bersekutunya dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan atau bersekutu dengan pemegang akaun yang dianggap wajar oleh Bank (selepas ini dirujuk secara tunggal atau kolektif sebagai “Orang Relevan”), agar Bank:
- i. diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang relevan tentang Orang Relevan) yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi pemprosesan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk bagi penggunaan selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan bagi tujuan pemberian dan pengendalian Akaun Semasa dengan berterusan;
 - ii. melaksanakan semakan rujukan yang perlu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau di masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan rujukan/pelaporan kredit dengan agensi rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk menyediakan kepada pihak yang disebut sebelum ini maklumat yang dikehendaki yang diminta oleh agensi rujukan kredit tersebut dan/atau mana-mana pihak lain untuk memastikan status pemegang akaun dan Orang Relevannya yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi tujuan pemberian dan / atau pengendalian kemudahan/akaun dengan berterusan; mendapatkan balik hutang yang terutang di bawah akaun/kemudahan; sebarang tujuan yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan kemudahan/akaun di bawah perjanjian ini; dan/atau bagi sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia relevan. Dalam hal ini, Bank diberi kuasa untuk mendedahkan kepada agensi rujukan kredit tersebut dan/atau mana-mana orang lain kebenaran pemegang akaun dan Orang Relevannya untuk membenarkan agensi rujukan kredit tersebut dan/atau sebarang orang lain untuk mendedahkan maklumat kredit pemegang akaun dan Orang Relevannya seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 kepada Bank;
 - iii. untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Relevan kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbislamic.com); dan
 - iv. untuk menyediakan kepada Orang Relevan maklumat tentang produk, kemudahan perbankan, perkhidmatan dan/atau tawaran Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran oleh entiti dalam Kumpulan CIMB) yang mungkin menarik minat dan/atau membawa manfaat kewangan kepada mereka,

menurut budi bicara tunggal Bank, tanpa rujukan lanjut kepada pemegang akaun dan/atau Orang Relevannya. Pemegang akaun bersetuju menanggung tanggungjawab untuk memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku apa-apa perubahan pada maklumat peribadi dan kewangan, maklumat kredit berkaitan dengan Orang Relevan tersebut. Sekiranya kebenaran dan/atau kuasa itu selepas itu dibatalkan oleh mana-mana Orang Relevan, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak menamatkan kemudahan ini / menutup akaun.

- 25.2 Pemegang akaun seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak akan walau apa pun bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan atau sebaliknya), kecederaan, perasaan malu atau liabiliti yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau sebarang asas (termasuk gantirugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) berbangkit daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pemadaman atau modifikasi data atau atas sebarang sebab lain pun jua berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh Bank kepada agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut, mengikut keadaan, atau berkaitan dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau sandaran terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada diakibatkan oleh sebarang kerosakan teknikal, perkakasan atau perisian tidak kira jenisnya, gangguan, ralat, ketinggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walau apa pun.
- 25.3 Klausula ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausula lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang membuat peruntukan bagi pendedahan maklumat.

26 LAIN-LAIN

- 26.1 Sekiranya ada sebarang aduan tentang Akaun Semasa-i, pemegang akaun boleh mengemukakan nota kepada pusat atau cawangan CIMB di mana Akaun Semasa-i dikekalkan. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan hati pemegang akaun, pemegang akaun boleh menghubungi 'Customer Resolution Unit' Bank di alamat, nombor telefon, faks dan e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan pemegang akaun): 'Unit Resolusi Pelanggan (CRU), CIMB Islamic Bank Berhad, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan No. Pusat Panggilan: 03-6204 7788, E-mel: cru@cimb.com.
- 26.2 Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, konflik, kesamaran atau kepincangan antara teks Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dalam versi bahasa Inggeris atau sebarang versi-versi lain, versi bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh pemegang akaun bagi versi terma-terma dan syarat-syarat terkandung di sini dalam Bahasa Malaysia, Bank hendaklah menyediakannya dan membenarkan pemegang akaun mengisi borang relevan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Malaysia dan borang dan perjanjian sedemikian dalam Bahasa Malaysia yang diisi dan ditandatangani hendaklah membentuk asas kontrak antara Bank dan pemegang akaun.
- 26.3 Terma-terma dan Syarat-syarat ini bertujuan agar benar-benar mematuhi Syariah. Pemegang akaun dan Bank bersetuju bahawa hak dan obligasi mereka masing-masing di dalam ini bertujuan agar mematuhi dan tertakluk kepada dan mematuhi Syariah (Syariah sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank).